

Menyasarkan golongan gelandangan yang menghuni tepi bangunan sekitar pusat beli-belah Kota Raya di Jalan Silang, kumpulan itu menyediakan pakaian seperti kemeja-T dan seluar untuk lelaki dan wanita serta kanak-kanak.

Pengasas projek 'Hanger For Humanity' Luqmanul Hakim Mohamad Noor, 23, berkata, berdasarkan pemerhatiannya, NGO lebih banyak memberi makanan dan jarang mengedarkan pakaian kepada gelandangan di ibu negara.

"Kami mengambil inisiatif mengumpulkan pakaian terpakai daripada pelajar kolej kediaman di kampus UKM, Bangi selain penduduk sekitar untuk diagihkan kepada golongan memerlukan pakaian," katanya ketika ditemui pada program 'Hanger For Humanity' di Jalan Silang, di sini.

Beliau berkata, sejak melancarkan program itu pada November lalu, kumpulan mereka mengumpulkan hampir 300 pakaian untuk lelaki, wanita dan kanak-kanak.

"Kami menggunakan laman Facebook bernama 'Hanger For Humanity' untuk menyebarkan maklumat mengenai pusat pengumpulan pakaian kepada pelajar UKM dan masyarakat setempat.

"Setiap pakaian diterima diasingkan mengikut saiz dan jantina. Hanya pakaian masih elok saja diambil untuk diagihkan kepada gelandangan," katanya yang juga pelajar tahun tiga Sarjana



PELAJAR UKM membantu gelandangan memilih baju yang sesuai.

FAKTA
Pakaian terpakai dikumpul daripada pelajar kolej

Beri imej bersih

Program 'Hanger For Humanity' bantu gelandangan selesa berpakaian kemas

Muda Sains Sosial.

Pelajar tahun satu Sarjana Muda Sains Sosial Nor Shahira Shahidan, 19, berkata, dengan pakaian diagihkan itu, gelandangan berkenaan akan berpakaian bersih dan imej mereka tidak lagi dilihat kotor dan lusuh dengan pakaian lama.

"Di samping memberi makanan, mereka juga perlukan pakaian bersih terutama kepada yang beragama Islam untuk solat," katanya yang berasal dari Gombak, Selangor.

Katanya, pergaulan bersama gelandangan dapat membantu mengaplikasikan pelajaran di universiti ber-

tujuan menyelami perasaan mereka yang dilanda kesusahannya dalam kehidupan.

Gelandangan yang ditemui dan mahu dikenali sebagai Saleh, 70, berkata, masyarakat perlu membantu golongan tidak berumah seperti untuk meneruskan kehidupan.

"Apabila disebut gelandangan, masyarakat selalu memandang hina dan menyalahkan kami yang memilih untuk tidur di kaki lima.

"Walhal akibat kesempitan hidup yang memaksa kami 'berumah' di kali lima kerana tiada pilihan," katanya yang berasal dari selatan tanah air.



ANTARA pelajar UKM yang terbabit dalam program 'Hanger For Humanity'.

Katanya, dia baru saja tamat kontrak bekerja sebagai pengawal keselamatan dengan sebuah syarikat swasta di Kajang, Selangor.

"Dalam usia menginjak 70 tahun, mana ada syarikat in-

gin mengambil saya bekerja lagi.

"Walaupun badan saya sihat dan tiada sebarang penyakit, disebabkan faktor usia sukar untuk saya mendapatkan pekerjaan di ibu

negara," katanya.

Ditanya mengenai keluarganya, dia yang sudah kematian isteri beberapa tahun lalu enggan menceritakan mengenai masalah peribadinya.